



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

JPT | JABATAN
PENDIDIKAN
TINGGI



ANUGERAH
AKADEMIK
NEGARA

SYARAT DAN PERATURAN UMUM ANUGERAH AKADEMIK NEGARA KE-15

PROF. DATO' IR. DR. ABDUL RAHMAN BIN MOHAMED
TIMBALAN PENGERUSI JK PEMILIH AAN KE-15



Jabatan Pendidikan Tinggi



jabatanpendidikantinggi



@jpt_kpt



Jabatan Pendidikan Tinggi TV

OBJEKTIF

Memaklumkan kepada semua IPT tentang AAN

JPT memerlukan sokongan IPT untuk menggalakkan lebih ramai ahli akademik mengemukakan permohonan; dan saringan borang di peringkat IPT perlu dilakukan agar permohonan yang lengkap diterima



Membincang dengan terperinci setiap kategori AAN daripada segi asas anugerah, syarat, tatacara pengisian borang dan masalah teknikal yang perlu diatasi

Memperkenalkan AAN di kalangan mereka yang dapat menggemblengkan penglibatan peserta daripada IPT masing-masing (iaitu peringkat NC, TNC dll)

PENGENALAN AAN

- AAN adalah anugerah berdasarkan **hadiah / pengiktirafan yang telah dicapai** dengan **memilih yang terbaik** dari yang terbaik di dalam bidang masing-masing.
- Penilaian bagi setiap kategori dilakukan oleh Jawatankuasa Pemilih yang dianggotai oleh **pakar-pakar** daripada IPT, **tokoh-tokoh** daripada sektor swasta serta individu-individu yang pakar dalam bidang masing-masing.
- Ahli panel pemilih adalah mereka yang pakar dalam bidang masing-masing, dilantik sebagai **individu** dan **BUKAN** mewakili institusi masing-masing.
- Proses penilaian untuk mencari calon terbaik di kalangan terbaik (*best of the best*) dilaksanakan secara **profesional** tanpa melihat atau memberatkan universiti masing-masing.

3

PENILAIAN AAN

Penilaian AAN ke-15 tahun 2022 akan mengambil kira pencapaian sepanjang tempoh tahun 2021.

JAWATANKUASA PEMILIH AAN KE-15

PENGERUSI

Prof. Datuk Ir. Ts. Dr. Ahmad Fauzi bin Ismail

TIMBALAN PENGERUSI

Prof. Dato' Ir. Dr. Abdul Rahman
bin Mohamed

TOKOH DAN AHLI AKADEMIK HARAPAN

Pengerusi:

Prof. Dato' Dr. Mohd
Jamil Maah

Timb. Pengerusi:

Prof. Emerita Datuk
Dr. Asma binti
Ismail

INOVASI DAN PENGKOMERSIALAN PRODUK

Pengerusi:

Prof. Dr. Rahmah binti
Noordin

Timb. Pengerusi:

Prof. Dr. Samsilah Roslan

PENERBITAN MAKALAH JURNAL

Pengerusi:

Prof. Dato' Ir. Dr.
Abdul Rahman bin
Mohamed

Timb. Pengerusi:

Prof. Datin Sherina
binti Mohd Sidik

PENERBITAN BUKU

Pengerusi:

Prof. Dato' Seri
Dr. Md. Salleh bin
Yaapar

Timb. Pengerusi:

Prof. Dr. Ahmad
Zaki bin Abu
Bakar

SENI DAN KREATIVITI

Pengerusi:

Dato' Prof. Ts. Dr.
Abdul Razak Hj.
Mohaideen

Timb. Pengerusi:

Prof. Emeritus Dato'
Dr. Mohamed
Ghouse Nasruddin

PENGAJARAN

Pengerusi:

Prof. Dr. Abd
Karim Alias

Timb. Pengerusi:

Prof. Dr. Rosna
Awang Hashim

SYARAT DAN PERATURAN UMUM

1

Permohonan/pencalonan AAN dibuka **hanya** kepada ahli akademik **warganegara Malaysia**.

2

Anugerah ini tidak akan diberikan kepada mana-mana individu secara anumerta (posthumous).

- Sekiranya terdapat pemenang yang meninggal dunia selepas penilaian, maka bahagian anugerah yang layak untuknya akan diberikan kepada **warisnya**.


3

Permohonan bagi semua kategori AAN terbuka kepada ahli akademik yang berkhidmat sepenuh masa, atau berjawatan hakiki, di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di Malaysia sepanjang tahun atau sebahagian daripada tahun yang dinilai **kecuali** Anugerah Tokoh Akademik Negara.


- (*Institusi Pendidikan Tinggi merujuk kepada **semua universiti/ kolej universiti awam dan swasta, politeknik, dan kolej komuniti***)

4

Sekiranya **tiada pemohon** yang layak bagi sesuatu kategori, maka anugerah bagi kategori tersebut **tidak akan diberikan**.



Sekiranya terdapat sebarang **maklumat palsu**, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi berhak untuk **menarik balik** anugerah yang telah diberikan.



Keputusan Jawatankuasa Induk AAN adalah **muktamad**.

PERATURAN DAN TATACARA PERMOHONAN

01



Permohonan/pencalonan hendaklah dikemukakan melalui Sistem Permohonan Anugerah Akademik Negara (SPAAN) menggunakan pautan <http://spaan.mohe.gov.my>.

02



Permohonan/pencalonan hendaklah **diperakukan secara dalam talian oleh Naib Canselor** atau jawatan yang setaraf dengannya*. Sekiranya borang permohonan/pencalonan diperakukan oleh wakil/pemangkunya, surat penurunan kuasa daripada Naib Canselor atau jawatan yang setaraf dengannya* perlu disertakan.

03



Bagi permohonan/pencalonan **Naib Canselor** atau jawatan yang setaraf dengannya* perakuan hendaklah diberi oleh **Pengerusi/Ahli Lembaga Pengarah Universiti**.

**Rektor/Presiden/Ketua Eksekutif*

04



Calon boleh dicadangkan/dinamakan oleh mana-mana agensi luar. Namun, permohonan/pencalonan ini **MESTI** disalurkan melalui IPT serta mematuhi syarat-syarat permohonan AAN. **Permohonan yang tidak melalui mana-mana IPT tidak akan dipertimbangkan.**

05



Borang permohonan/pencalonan mestilah diisi dan disertakan dengan maklumat dan bukti yang sahih dan lengkap.

06



Ahli Jawatankuasa Pemilih boleh memohon dalam **kategori yang lain daripada kategori keahliannya**. Untuk memastikan ketelusan dan integriti AAN, AJK yang memohon dalam kategori yang sama keahliannya hanya boleh memohon setelah **sekurang-kurangnya setahun tidak menjadi ahli.**

07



Ahli Jawatankuasa Induk AAN **tidak boleh memohon** atau dicalonkan dalam mana-mana kategori AAN semasa menjadi ahli.

08



Tarikh tutup permohonan/pencalonan ialah pada **13 Februari 2023 (Isnin).**

a) Semua permohonan/pencalonan perlu **diperakukan oleh Naib Canselor** atau jawatan yang setaraf dengannya* sebelum atau pada jam **5.00 petang pada tarikh tutup.**

**Rektor/Presiden/Ketua Eksekutif*

08



b) Dokumen-dokumen seperti di bawah **perlu sampai** kepada Urus Setia AAN sebelum atau pada jam **5.00 petang pada tarikh tutup**. Bukti penghantaran tidak boleh dianggap sebagai bukti penerimaan.

- Butir jaya diri (CV) bagi kategori **Anugerah Tokoh Akademik Negara**
- Tiga (3) salinan buku bagi kategori **Anugerah Penerbitan Buku**
- Bahan bukti bagi kategori **Anugerah Seni dan Kreativiti** serta kategori **Anugerah Inovasi dan Pengkomersialan Produk**.

09



Permohonan hendaklah dihantar ke alamat berikut:

Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi

Jabatan Pendidikan Tinggi

Aras 4, No. 2, Menara 2

Jalan P5/6, Presint 5

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan


62200 PUTRAJAYA

(UP: Urus Setia Anugerah Akademik Negara Ke-15)

Sila layari syarat dan peraturan untuk semua kategori di

<https://jpt.mohe.gov.my/aan>

PERANAN IPT



Mohon sekretariat yang bertindak sebagai **penyelaras** di peringkat IPT masing-masing untuk membuat **saringan dan menyemak** syarat permohonan ataupun menyediakan portfolio diri bagi ahli akademik yang dicalonkan.


Menubuhkan JK Pemilih AAN di peringkat IPT bagi setiap kategori bagi memberi galakan untuk pensyarah mengemukakan permohonan.

Menyemak agar semua keperluan yang diminta dalam senarai semak bagi kategori yang berkaitan dipenuhi supaya permohonan tidak ditolak dari segi teknikal.

Dicadangkan agar setiap IPT turut menganjurkan anugerah yang mirip dengan AAN di peringkat IPT masing-masing.

Pastikan semua borang permohonan lengkap dan diperakukan oleh Naib Canselor atau yang setaraf sebelum atau pada jam **5.00 petang, 13 Februari 2023 (Isnin)**.


HAL – HAL LAIN



Ahli JK Pemilih bagi sesuatu kategori juga **boleh dijemput oleh IPT** untuk memberi taklimat pada warga IPT tersebut bagi kategori anugerah tersebut.



Syarat dan peraturan, kriteria penilaian serta soalan lazim AAN Ke-15 yang telah disediakan dan dimuatnaik di portal AAN dijadikan sebagai panduan bagi memudahkan permohonan/pecalonan Ahli Akademik.



Semua persembahan slaid dalam Sesi Taklimat juga akan **dimuatnaik ke portal AAN** sebagai panduan permohonan/pencalonan.

SESI SOAL JAWAB

*Sekian,
Terima Kasih*